

NO.SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH JAWAPAN : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada tarif bekalan elektrik akan dinaikkan mulai 2016 memandangkan kos operasi dan kos perolehan TNB telah meningkat kerana nilai Ringgit Malaysia tersusut sekurang-kurangnya sebanyak 28% berbanding Dollar Amerika sejak tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Penentuan tarif bekalan elektrik di Semenanjung adalah dibuat berdasarkan mekanisme Imbalance Cost Pass-Through (ICPT), dengan izin, di mana ianya mengambilkira perubahan kos penjanaan elektrik termasuk kos bahan api dan juga kos-kos penjanaan yang lain yang berada di luar kawalan pihak utiliti iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB). Dalam hal ini, dua bahan api utama yang digunakan ialah gas asli cecair (*liquified natural gas* - LNG), dengan izin, dan arang batu adalah bahan api import yang digunakan dalam penjanaan tenaga elektrik dan amat dipengaruhi oleh harga pasaran antarabangsa.

2. Sejak awal tahun 2015, kos pembelian LNG dan arang batu semakin meningkat disebabkan penyusutan nilai Ringgit Malaysia berbanding Dollar Amerika sebanyak 28%. Namun, kejatuhan harga pasaran semasa arang batu kepada USD66/tan berbanding USD87.5/tan iaitu harga yang ditetapkan bagi semakan tarif pada tahun 2014, telah sedikit sebanyak dapat mengimbangi kenaikan kos

pembelian arang batu akibat penyusutan nilai ringgit. Oleh itu, terdapat penjimatan kos sebenar pembekalan tenaga elektrik melalui penurunan harga pasaran arang batu dunia sungguhpun terdapat penyusutan nilai ringgit dan juga peningkatan kecekapan prestasi loji-loji jana kuasa arang batu. Penggunaan arang batu ini juga telah mengurangkan penggunaan bahan api LNG dan seterusnya membolehkan penjimatan kos dalam sistem penjanaan elektrik.

3. Sebarang perubahan kos yang melibatkan kenaikan atau penurunan dalam kos penjanaan elektrik akan dilepaskan kepada pengguna melalui mekanisme ICPT iaitu semakan ke atas kadar tarif elektrik setiap 6 bulan. Misalnya, baru-baru ini pelepasan bagi penjimatan kos penjanaan elektrik yang telah diperolehi bagi tempoh mulai 1 Mac hingga 31 Disember 2015 telah dibuat dalam bentuk pengurangan ke atas bil elektrik sebanyak 2.25 sen/kWj kepada pengguna-pengguna di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, kenaikan atau penurunan kadar tarif mulai tahun 2016 hanya akan dapat ditentukan apabila semakan ICPT selesai dibuat pada akhir tahun ini kelak.

Sekian, terima kasih.